

# Akhbar Cina hadapi tindakan tegas

KUALA LUMPUR 30 Nov.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran akan bertindak tegas terhadap akhbar - akhbar Cina sekiranya kebebasan yang diberikan kepada mereka disalahguna untuk mengapi - api isu perkauman.

Perdana Menteri menegaskan, akhbar - akhbar tidak sepatutnya menyalahgunakan kebebasan yang diberikan dan hendaklah menyedari bahawa kebebasan itu mempunyai batasannya.

"Kita tidak akan bertindak. Tindakan dalam negara ini bukan atas kebebasan akhbar tetapi kalau ada unsur - unsur perkauman atau cubaan mengapi - apikan perkauman kita terpaksa kaji peranan mereka," katanya sebagai menjelas kenyataan beliau berhubung keendungan akhbar - akhbar Cina menonjolkan sistem dua parti semasa pilihannya lalu.

Dato' Sri Dr. Mathir berkata, di negara ini akhbar - akhbar mempunyai kebebasan tetapi kebebasan di mana - mana jua tidak hadunya.

Malah, di negara ini dikatakan mengamalkan kebebasan akhbarpun jika ada kebebasan sebenar kerana sekatan - sekatan dibuat oleh editor, orang yang membeli ruangan dan pihak - pihak lainanya.